

1981

BALING, 25 OKT. (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN AKAN MEMBERI BANTUAN DAN TUNJUK AJAR UNTUK MEMBOLEHKAN PENDUDUK KAMPUNG MENJALANKAN PERUSAHAAN—PERUSAHAAN KECIL DARI BAHAN—BAHAN TEMPATAN SEPERTI BULUH, ROTAN, MENGKUANG DAN TANAH LIAT.

PERDANA MENTERI MENAMBAH APA YANG PENTING IALAH USAHA HENDAKLAH DATANG DARI RAKYAT SENDIRI DAN KERAJAAN HANYA DAPAT MEMBERI BANTUAN PENGALAKKAN SEPERTI JENTERA DAN TUNJUK AJAR.

KATANYA BAHAN—BAHAN YANG TERDAPAT DI KAMPUNG—KAMPUNG TERUTAMA BULUH, ROTAN, MENGKUANG DAN TANAH LIAT DAPAT MENGELUARKAN HASIL SEKIRANYA RAKYAT TAHU CARA MENGGUNAKANNYA.

BERUCAP MERASMIKAN RANCANGAN BAIKPULIH DUSUN DI KAMPUNG—MENGKUANG, BALING, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN BERSEEDIA MENGHANTAR PEGAWAI—PEGAWAI YANG BERPENGALAMAN UNTUK MENGAJAR PENDUDUK KAMPUNG MEMBUAT BARANG—BARANG DARI BAHAN TERSEBUT YANG BOLEH DIJUAL DI DALAM DAN MUNGKIN LUAR NEGERI.

UMPAMANYA, BULUH DAPAT DIGUNAKAN UNTUK MEMBUAT RAK TUALA TANGAN YANG BEGITU BANYAK DIGUNAKAN DI HOTEL DAN RESTORAN TERUTAMA SEKALI DI NEGERI JEPUN.—BERSAMBUNG 1409/H

B526

MAHATHIR 2 BALING

USAHA YANG SAMA BOLEH DIJALANKAN DI KAMPUNG—KAMPUNG UNTUK MEMBEKALKAN BARANG YANG SERUPA KEPADA HOTEL DAN RESTORAN DI NEGARA INI, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR SETERUSNYA BERKATA PENDUDUK KAMPUNG TIDAK SEHARUSNYA BERGANTUNG KEPADA SATU—SATU TANAMAN SEPERTI GETAH UNTUK MENDAPATKAN HASIL KERANA PENDAPATANNYA TIDAK TETAP MEMANDANGKAN HARGA GETAH NAIK DAN TURUN MENGIKUT KEPERLUAN PASARAN.

OLEH ITU, UNTUK MENJAMINKAN PENDAPATAN YANG TIDAK TERJEJAS, PENDUDUK KAMPUNG PERLU MENGADAKAN TANAMAN LAIN SEPERTI BUAH—BUAHAN, SAYUR—SAYURAN DAN MENJALANKAN PERUSAHAAN KECIL.

PERDANA MENTERI JUGA BERPENDAPAT KAMPUNG—KAMPUNG YANG TIDAK TERSUSUN DAN TERATUR SEKARANG PERLU DIPERBAIKI AGAR TANAH—TANAH YANG TERBIAR DAPAT DIGUNAKAN UNTUK MENDAPATKAN HASIL.

KATANYA MELALUI SISTEM PERUMAHAN DAN PENYUSUNAN SEMULA KAMPUNG—KAMPUNG SECARA TERATUR, KERAJAAN JUGA AKAN DAPAT MEMBAWA KEMUDAHAN—KEMUDAHAN ASAS YANG DIPERLUKAN SEPERTI JALANRAYA, BEKALAN AIR DAN ELEKTRIK DENGAN LEBIH CEPAT DAN SEMPURNA.

—BERNAMA 1613/HM